

**SELANGOR**

Mohd Asri (tengah) menunjukkan antara bahan disita susulan rampasan lima kontena

**NEGERI SEMBILAN**

Alzafny dan Abdul Aziz menunjukkan gambar suspek dan hasil serbuan ke atas sebuah kilang barangan plastik di Senawang

Cubaan bawa masuk, proses e-waste haram digagalkan di dua negeri

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI & SYAMILAH ZULKIFLI

SHAH ALAM - Pihak berkuasa mematahkan cubaan menyeludup dan memproses sisa elektronik (e-waste) secara haram dalam dua operasi berasingan bernilai jutaan ringgit di Selangor dan Negeri Sembilan.

Di **SELANGOR**, cubaan menyeludup masuk 186 tan e-waste dari Kanada, Sepanyol dan Croatia digagalkan menerusi rampasan lima kontena mengandungi bahan buangan itu bernilai kira-kira RM2.15 juta di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang pada 3 Februari lalu.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang, Mohd Asri Seman berkata, serbuan dijalankan JKDM Pahang dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor hasil risikan.

Katanya, semakan mendapati lima kontena itu dibawa masuk dari Kanada manakala dua lagi dari Sepanyol dan satu dari Croatia.

"Pemeriksaan mendapati kandungan sebenar ialah sisa elektronik termasuk komponen komputer, kabel dan wayar terpakai dengan berat keseluruhan 186,737 kilogram.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM2.15 juta dan kesemua kontena ini yang dipercayai diimport tanpa permit

Kontena disita, kilang diserbu

serta diilrarkan secara tidak betul dalam borang pengiklanan.

"Pengimportan e-waste merupakan barangan larangan bersyarat dan hanya dibenarkan mengikut peruntukan Butiran 54, Bahagian I, Jadual Ketiga Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 yang memerlukan kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar. Kes ini masih dalam siasatan," katanya dalam sidang akhbar di Pelabuhan Utara di sini pada Khamis.

Tambah beliau, siasatan awal mendapati e-waste itu dipercayai untuk pasaran sekitar Lembah Klang.

"JKDM juga dalam usaha mengesan ejen serta pihak terlibat untuk tindakan lanjut," ujarinya.

Sementara itu di **NEGERI SEMBILAN**, sebuah kilang barangan plastik di Senawang diserbu selepas disyaki menjalankan kegiatan memproses e-waste secara haram.

Kilang beroperasi sejak 2018 itu diserbu dalam Op Hazard E-Waste oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Ibu Pejabat Kontinjen Negeri Sembilan dan JAS Negeri Sembilan, Isnin lalu.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk

Alzafny Ahmad berkata, hasil serbuan menemukan 115.4 tan bahan dihancurkan menjadi karbon hitam atau *Halogenated Polycyclic Aromatic Hydrocarbons* (HPA) yang dianggarkan bernilai RM577,000.

"Kita mengesyaki barangan ini pada peringkat awal sebagai e-waste, tetapi kemungkinan besar bahan sisa plastik.

"Seramai 12 warga asing termasuk seorang wanita berusia antara 20 hingga 50-an yang disyaki bekerja di situ juga ditahan selepas pemeriksaan mendapati mereka tiada dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar yang turut dihadiri Pengarah JAS Negeri Sembilan, Abdul Aziz Parmin di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan.

Selain itu, katanya, kilang terbabit yang beroperasi sejak November 2018 bukan kali pertama dikenakan tindakan atas kesalahan sama.

"Pihak JAS memaklumkan kilang ini pernah diserbu dan dikenakan tindakan pada Oktober tahun lalu," katanya.

Ujar Alzafny, JAS turut menyita semua barangan termasuk mesin yang digunakan dengan jumlah keseluruhan bernilai RM1.9 juta.